

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH  
[PASIR PUTEH]**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian dalam masa terdekat bercadang untuk melaksanakan 'Dasar Pasaran Buruh Aktif' bagi mengatasi masalah ketidaksepadanan kemahiran pekerja di sektor asal ke sektor baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa peka dalam memastikan kestabilan pasaran pekerjaan negara sama ada melalui pendekatan pengekalan pekerja dalam sektor pekerjaan sedia ada, mahupun penempatan semula pekerja sedia ada dalam sektor pekerjaan baharu. Kedua-dua pendekatan ini amat penting bagi memastikan para pekerja berupaya untuk menjana pendapatan secara berterusan dan seterusnya menyumbang ke arah merencanakan aktiviti ekonomi negara.

2. Langkah-langkah komprehensif perlu diambil bagi memastikan kelancaran dan kejayaan program penempatan semula pekerja ke dalam sektor pekerjaan baharu. Golongan pekerja terlibat dengan program ini perlu dilengkapi dan didedahkan dengan kemahiran-kemahiran berkaitan yang menjadi keperluan dalam sektor pekerjaan baharu tersebut. Sehubungan itu, langkah-langkah berikut sedang diambil oleh Kementerian bagi memastikan tidak timbul masalah ketidaksepadanan kemahiran di kalangan pekerja:

- i. Pelaksanaan program *upskilling* dan *reskilling* meliputi pelbagai bidang yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja bagi menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja yang dinamik. Program *upskilling* dan *reskilling* dijalankan secara berterusan supaya kemahiran yang diperolehi sentiasa bersesuaian dengan keperluan industri semasa;
- ii. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan National Occupational Skills Standard (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan kemahiran awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan Industry Lead

## SOALAN NO : 334

Body (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;

- iii. Memperluaskan akses kepada para pekerja untuk mendapatkan kemahiran melalui program berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Melalui program TVET ini, pekerja berpeluang untuk mendalami pelbagai bidang kemahiran sama ada melalui pendekatan kursus jangka pendek, kursus jangka panjang, dan juga program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Sehingga kini, terdapat lima ratus enam puluh dua (562) buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan
- iv. Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (TWG-S) Industry4WRD. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi memenuhi keperluan Industri 4.0. Menerusi jawatankuasa ini, pelbagai program dirancang dan ditawarkan sama ada kepada golongan pekerja mahupun bakal pekerja bagi tujuan peningkatan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahankeperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.

Sekian, terima kasih.